

15/10/1999

F1 mampu perkenal Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia mencatatkan satu lagi sejarah apabila perlumbaan Formula Satu (F1) Grand Prix Malaysia Petronas 1999 bermula di Litar F1 Sepang esok, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selain meletakkan Malaysia di peta dunia dengan lebih meluas, perlumbaan kereta terulung di dunia itu juga menguntungkan negara dari segi pulangan ekonomi dan industri pelancongan apabila negara semakin dikenali di peringkat antarabangsa.

Malah, katanya, perlumbaan F1 yang buat kali pertama diadakan di negara ini diharap dapat membantu memperkembangkan kegiatan sukan bermotor tempatan ke arah meningkatkan keupayaan dalam bidang kejuruteraan automotif serta rekacipta kereta lumba.

"Perlumbaan F1 pada 15 hingga 17 Oktober ini akan disaksikan menerusi televisyen di 200 negara dengan ratusan juta penonton di seluruh dunia, bukan untuk satu atau dua minit saja tetapi berjam-jam mereka dapat melihat Malaysia.

"Kerana kita adalah sebuah negara yang tidak begitu dikenali, maka perlumbaan ini akan menolong meletakkan kita (Malaysia) di atas peta dunia. Dengan itu kita harap dapat menarik lebih banyak perdagangan dan juga pelancong ke negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Pameran Motorsports KL '99 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini. Beliau yang meluangkan masa sejam melawat pameran itu, turut melancarkan kereta Bufori yang dikeluarkan Bufori Motor Car Company (M) Sdn Bhd.

Perdana Menteri juga melancarkan Simex Rainforest Challenge 1999, satu kejohanan pacuan empat roda antarabangsa terbesar yang akan berlangsung dari 28 November hingga 8 Disember ini dengan menyusuri tujuh negeri di Malaysia, membabitkan 250 peserta dari 23 negara.

Beliau turut meluangkan masa selama 10 minit untuk membolehkan dua pelukis kartun (Don dan Zalli) melukis wajahnya dalam bentuk karikatur ketika melancarkan Million Faces of Caricature Don and Zalli.

Seramai 22 pemandu mewakili 11 pasukan bakal mencatat sejarah sebagai kelompok pertama dan terakhir perlumbaan F1 melintasi garisan itu bagi alaf ini. Litar F1 Sepang bernilai RM286 juta itu diiktiraf terbaik di dunia.

Dr Mahathir berkata, pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah perlumbaan F1 itu adalah satu kejayaan besar kerana amat sukar sekali bagi mendapatkan pihak yang menguruskan perlumbaan terbabit untuk menempatkannya di negara-negara di dunia ini.

"Banyak negara-negara lain di Asia selain Jepun yang berminat untuk mendapatkan (menganjur) perlumbaan F1 di negara mereka tetapi kita bersyukur kerana kita dapat menarik perlumbaan F1 ini ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebenarnya sudah maju bukan saja dalam bidang sukan bermotor malah industri automotif.

"Kalau dulu kita cuma membeli, mengimport kereta dan kemudian kita memasang kereta serta membuat kereta sendiri dengan bantuan pihak asing khususnya syarikat automotif Jepun.

"Sejak 1985, dengan pelancaran Proton, kita telah memiliki kebolehan yang amat tinggi dalam bidang automotif sehingga hari ini kita boleh mereka bentuk kereta berdasar selera kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, bidang automotif tidak terhad kepada

pengeluaran kereta saja atau peningkatan kejuruteraan automotif, sebaliknya ia juga sesuai untuk mereka cipta kereta lumba.

Beliau berkata, ia juga diharap dapat memupuk minat di kalangan generasi muda untuk bergiat dalam sukan bermotor sehingga mencapai taraf pelumba Formula Satu.

Katanya, kerajaan ingin melihat golongan muda menceburi bidang perlumbaan motor secara tersusun.

Beliau berkata, sukan bermotor ini juga diharapkan akan dapat mengurangkan kegiatan tidak sihat seperti perlumbaan haram di jalan-jalan dan lebuhraya.

Dr Mahathir berkata, golongan muda yang berminat harus mencari peluang untuk menyalur tenaga dan minat untuk menjadi pemandu kereta lumba sehingga ke peringkat Formula 3000 dan seterusnya F1.

"InsyaAllah, kita akan dapat melahirkan seorang rakyat Malaysia yang boleh berlumba dalam perlumbaan F1 tak lama lagi. Inilah harapan kerajaan dan sebab itu kerajaan memberi galakan kepada kegiatan sukan bermotor ini," katanya.

(END)